

Syor tutup langkah drastik, jejas imej

Kuala Lumpur: Cadangan menutup operasi Malaysia Airlines Bhd (MAS) jika dilaksanakan, dilihat sebagai sesuatu yang drastik dan boleh menjasikan imej negara sebagai negara yang maju dalam bidang perdagangan dan ekonomi.

Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Dr Zakariah Abdul Rashid, berkata beliau lebih terbuka kepada pilihan lain, bukan menutup syarikat penerbangan nasional itu.


"Jika mahu tutup juga, mungkin kemudian membukanya semula. Kita mesti ada syarikat penerbangan nasional yang terus beroperasi, tidak kisah mahu memberi nama lain sekali pun," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Pengurus Pembangunan Perniagaan, Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff juga tidak bersetuju dengan cadangan menutup MAS dan berpendapat operasi syarikat penerbangan itu perlu dikekalkan dan diletakkan di bawah agensi yang boleh memulihkannya semula.

Katanya, kerajaan perlu mengenal pasti agensi terbaik dan



Ahmed Razman
Abdul Latiff



Mohd Sheriff
Mohd Kassim

sesuai untuk tujuan berkenaan yang harus sanggup mengepitkan pulangan atas pelaburan dalam masa terdekat, tetapi mampu membuat pemulihan ke atas MAS dalam jangka segerhana atau lama.

"Khazanah sekarang menumpukan kepada strategi pelaburan komersial yang menjanjikan pulangan dalam masa singkat, yang mana ia sesuatu yang sukar untuk dilakukan MAS. Agensi seperti DanaHarta atau DanaModal adalah antara yang saya fikir sesuai untuk menguruskan MAS," katanya.

Di Petaling Jaya, bekas Pengarah Urusan Khazanah, Tan Sri Mohd Sheriff Mohd Kassim, berkata kerajaan boleh mem-

pertimbangkan menutup MAS berdasarkan prestasi merosot berterusan syarikat penerbangan itu, ditambah pula usaha untuk menyelamatkan operasinya yang dilaksanakan beberapa kali sebelum ini, dilihat tidak berjaya.

Perlu kajian semula

"Semakin ramai yang bercakap mengenai MAS termasuk pertupannya. Mungkin sudah sampai masanya kerajaan mempertimbangkan menutup syarikat ini. Pada masa sama, ada juga pihak mencadangkan kajian semula dilakukan, sama ada kita masih memerlukan MAS.

"Saya fikir, kita benar-benar perlu meneliti, sama ada

syarikat berkenaan masih diperlukan atau tidak," katanya yang ditemui media pada Forum Prospek Strategi Kewangan Malaysia Malaysia - *Governing in Times of Heightened Public Scrutiny and Accountability Demands* anjuran Institut Kepimpinan dan Strategi Asian (ASLI), semalam.

Mohd Sheriff yang juga Pengerusi PLUS berkata, MAS dilihat berdepan kesukaran untuk mendapatkan keuntungan, selain persaingan dalam industri.

"Perlu diingat, MAS sudah beberapa kali 'diselamatkan', tetapi ia tidak berjaya. Setiap kali bantuan kewangan (bailout) disalurkan, ia akan berada dalam keadaan baik untuk tempoh dua tiga tahun, kemudian berdepan semula masalah. Jadi lebih baik sumber (kewangan) yang ada disalurkan kepada segmen yang lebih produktif," katanya.

Selain MAS, beliau berkata, kerajaan boleh mempertimbangkan untuk memperoleh keuntungan daripada kutipan cukai lapangan terbang yang berpotensi meningkat menerusi Malaysia Airport Holdings Bhd (MAHB).